

**TINJAUAN KATEGORI MASALAH DENGAN DEMOGRAFI DI  
KALANGAN PEKERJA JABATAN-JABATAN PEMASANGAN  
SHIMANO COMPONENTS (M) SENDIRIAN BERHAD**

**CHAN CHEE KIONG**

**Laporan projek ini dikemukakan  
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana (Bimbingan dan Kaunseling)**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**Oktober 2007**

## **DEDIKASI**

### **Kepada bondaku tersayang, Pn. Low Swee Ying:**

Pengorbanan, sokongan, segala pertolongan dan dorongan yang diberikan sehingga anakmu ini berjaya mencapai cita-citanya. Semoga bonda dipanjangkan usia dan dirahmati Tuhan.

### **Kepada isteriku yang kusayang, Koh Lee Hwa serta anak-anak kesayanganku, Chan Jason dan Chan Winson:**

Semoga segala kesusahan dan pengorbanan yang kita hadapi bersama selama tempoh berkursus di UTM ini akan dirahmati dan diredhai Tuhan. Terima kasih kerana sabar menanti dari awal hinggalah tamat pengajian.

### **Kepada semua saudara-mara dan sahabat handai:**

Terima kasih tidak terhingga di atas segala pertolongan, dorongan dan nasihat yang diberikan selama tempoh berkursus di UTM ini. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas dengan seadilnya segala budi baik kalian.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan ucapan terima kasih kepada pembimbing iaitu Prof Madya Syed Mohamed Shafeq bin Syed Mansor atas segala bimbingan dan dorongan yang beliau berikan sepanjang tempoh ini.

Ucapan terima kasih juga penulis berikan kepada Shimano Components (M) Sendirian Berhad atas kerjasama mereka memberikan maklumat tentang pekerja-pekerja di Jabatan Pemasangan untuk kegunaan laporan projek ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan laporan kajian ini. Semoga segala bantuan yang dihulurkan dirahmati Tuhan.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kategori masalah dengan demografi di kalangan pekerja-pekerja Jabatan Pemasangan di Shimano Components (M) Sendirian Berhad. Seramai 218 orang pekerja telah dipilih secara rawak untuk menyertai kajian ini. Alat kajian yang digunakan ialah Mooney Problem Check List (MPCL) yang mengandungi 330 item. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian 'Statistical Package for the Social Sciences' (SPSS 11.5). Teknik statistik pemerataan telah digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Hasil kajian yang diperolehi mendapati kategori masalah yang paling mengganggu pekerja ialah penyesuaian terhadap kerja-kerja tugas akademik (65.4%) diikuti kegiatan sosial dan rekreasi (48.3%) serta moral dan agama (10.7%). Manakala kategori masalah yang kurang mengganggu pelajar ialah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan (36.1%), rumah tangga dan keluarga (34.0%) diikuti moral dan agama (31.8%). Oleh itu beberapa cadangan dikemukakan untuk mengatasi masalah tersebut.

## ABSTRACT

This study was to identify the category of problem and demographic of workers from Assembly Department, Shimano Components (M) Sendirian Berhad. 218 workers were chosen randomly as respondents for this study. Instrument used is Mooney Problem Check List (MPCL) containing 330 items. Data collected were processed using the 'Statistical Package For The Social Science', Version 11.5 (SPSS 11.5 program). Statistical percentages technique was used to answer the research questions. From the study, it was found that the most distracting factors faced by the workers were familiarizing with academic assignments (65.4%), social activities and recreation (48.3%) and their studies and future careers (48.0%). The less distracting factors were financial, living conditions and employment (36.1%), family (34.0%) and moral and religion (31.8%). Few suggestions were proposed to overcome the distractions faced by workers.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Borang Pengesahan Status Tesis	i
	Pengakuan Penyelia	ii
	Halaman Judul	iii
	Pengakuan Penulis	iv
	Dedikasi	v
	Penghargaan	vi
	Abstrak	vii
	Abstract	xiii
	Kandungan	ix
	Senarai Jadual	xii
	Senarai Singkatan	xvii
	Lampiran	xviii
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Kajian	3
	1.4 Persoalan Kajian	4
	1.5 Kepentingan Kajian	4
	1.6 Batasan Kajian	5
	1.7 Definisi Istilah	6
	1.8 Penutup	7
<b>BAB 2</b>	<b>Sorotan Penulisan</b>	<b>8</b>
	2.1 Pengenalan	8
	2.1.1 Kajian Luar Negara	8

2.1.2	Kajian Di Malaysia	9
2.2	Alat Ukur Kajian	12
2.3	Kajian Punca Masalah	13
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>14</b>
3.1	Pengenalan	14
3.2	Reka Bentuk Kajian	14
3.3	Tempat Kajian	15
3.4	Populasi dan Sample Kajian	15
3.4.1	Cara Persampelan	16
3.5	Instrumen Kajian	16
3.5.1	Bahagian A (Biodata)	16
3.5.2	Bahagian B (Kategori Masalah)	16
3.5.3	Kesahan Instrumen Kajian MPCL	17
3.5.4	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	18
3.6	Prosedur Kajian	19
3.7	Analisis Data	19
3.7.1	Memproses Data	19
3.7.2	Pengiraan Peratus	20
3.8	Jangkamasa Kajian	20
3.9	Penutup	21

<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>22</b>
4.1	Pengenalan	22
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	22
4.2.1	Analisis Secara Deskriptif	25
4.3	Bahagian B – Laporan Analisis	38
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>87</b>
5.1	Pendahuluan	87
5.2	Perbincangan	87
5.3	Rumusan	90
5.4	Cadangan	91
5.4.1	Pekerja	92
5.4.2	Ibu Bapa/keluarga	92
5.4.3	Majikan	93
5.5	Cadangan kajian lanjutan	94
5.6	Penutup	94
<b>RUJUKAN</b>		<b>96</b>
<b>LAMPIRAN</b>		
Lampiran A – C		97



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Taburan Item Soalan Bagi Persoalan Kajian	17
Jadual 3.2	Nilai Alpha Bagi Kategori Masalah	18
Jadual 4.1	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	23
Jadual 4.2	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jabatan Kerja	23
Jadual 4.3	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Sekolah	24
Jadual 4.4	Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Kelayakan Akademik Masuk ke kilang	25
Jadual 4.5	Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Kesihatan dan Pertumbuhan Jasmani	26
Jadual 4.6	Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Kewangan, Keadaan kehidupan Dan Pekerjaan	27
Jadual 4.7	Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Kegiatan Sosial dan Rekreasi	28
Jadual 4.8	Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Perhubungan Psikologi Sosial	29
Jadual 4.9	Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Perhubungan Peribadi dan Psikologi (emosi)	30
Jadual 4.10	Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Pergaulan Muda-mudi, Perkahwinan dan Seks	31
Jadual 4.11	Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Rumah Tangga dan Keluarga	31
Jadual 4.12	Taburan Respon Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Moral dan Agama	33

Jadual 4.13	Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Penyelesaian Terhadap Kerja-kerja Tugas Akademik	34
Jadual 4.14	Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Pelajaran dan Kerjaya Masa Depan	35
Jadual 4.15	Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Sub Skala Masalah Kurikulum dan Pengajaran	36
Jadual 4.16	Kesimpulan Taburan Responden Pekerja-pekerja Terhadap Item-item Dalam Kategori Masalah Mengikut Peratusan Tertinggi Hingga Terendah	37
Jadual 4.17	Lima Masalah Utama Kategori Kesihatan dan Pertumbuhan Jasmani Mengikut Jantina	38
Jadual 4.18	Lima Masalah Utama Kategori Kewangan, Keadaan Kehidupan dan Pekerjaan Mengikut Jantina	39
Jadual 4.19	Lima Masalah Utama Kategori Kegiatan Sosial dan Hiburan Mengikut Jantina	39
Jadual 4.20	Lima Masalah Utama Kategori Perhubungan Sosial Psikologi Mengikut Jantina	40
Jadual 4.21	Lima Masalah Utama Kategori Perhubungan Peribadi dan Psikologi (emosi) Mengikut Jantina	40
Jadual 4.22	Lima Masalah Utama Kategori Kegiatan Muda-mudi, Perkahwinan Dan Seks Mengikut Jantina	41
Jadual 4.23	Lima Masalah Utama Kategori Rumah Tangga dan Keluarga Mengikut Jantina	42
Jadual 4.24	Lima Masalah Utama Kategori Moral dan Agama Mengikut Jantina	42
Jadual 4.25	Lima Masalah Utama Kategori Penyesuaian Terhadap Kerja-kerja Tugas Akademik Mengikut Jantina	43
Jadual 4.26	Lima Masalah Utama Kategori Pelajaran dan Kerjaya Masa Depan Mengikut Jantina	44
Jadual 4.27	Lima Masalah Utama Kurikulum dan Kaedah Pengajaran Kategori Mengikut Jantina	44
Jadual 4.28	Kesimpulan Taburan Lima Kategori Masalah Utama Peratusan Mengikut Jantina	45

Jadual 4.29	Lima Masalah Utama Kategori Kesihatan dan Pertumbuhan Jasmani Mengikut Jabatan Kerja	46
Jadual 4.30	Lima Masalah Utama Kategori Kewangan, Keadaan Kehidupan dan Pekerjaan Mengikut Jabatan Kerja	47
Jadual 4.31	Lima Masalah Utama Kategori Kegiatan Sosial dan Rekreasi Mengikut Jabatan Kerja	49
Jadual 4.32	Lima Masalah Utama Kategori Perhubungan Sosial Psikologi Mengikut Jabatan Kerja	50
Jadual 4.33	Lima Masalah Utama Kategori Perhubungan Peribadi dan Psikologi (emosi) Mengikut Jabatan Kerja	52
Jadual 4.34	Lima Masalah Utama Kategori Kegiatan Muda-mudi, Perkahwinan dan Seks Mengikut Jabatan Kerja	54
Jadual 4.35	Lima Masalah Utama Kategori Rumah Tangga dan Keluarga Mengikut Jabatan Kerja	55
Jadual 4.36	Lima Masalah Utama Kategori Moral dan Agama Mengikut Jabatan Kerja	57
Jadual 4.37	Lima Masalah Utama Kategori Penyesuaian Terhadap Kerja-kerja Tugasan Akademik Mengikut Jabatan Kerja	58
Jadual 4.38	Lima Masalah Utama Kategori Pelajaran dan Kerjaya Masa Depan Mengikut Jabatan Kerja	60
Jadual 4.39	Lima Masalah Utama Kategori Kurikulum dan Kaedah Pengajaran Mengikut Jabatan Kerja	61
Jadual 4.40	Kesimpulan Taburan Lima Kategori Masalah Utama Peratusan Mengikut Jabatan Kerja	63
Jadual 4.41	Lima Masalah Utama Kategori Kesihatan dan Pertumbuhan Jasmani Mengikut Sekolah Menengah	65
Jadual 4.42	Lima Masalah Utama Kategori Kewangan, Keadaan dan Pekerjaan Mengikut Sekolah Menengah	66
Jadual 4.43	Lima Masalah Utama Kategori Kegiatan Sosial dan Hiburan Mengikut Sekolah Menengah	66
Jadual 4.44	Lima Masalah Utama Kategori Perhubungan Sosial Psikologi Mengikut Sekolah Menengah	67
Jadual 4.45	Lima Masalah Utama Kategori Perhubungan Peribadi dan Psikologi (emosi) Mengikut Sekolah Menengah	68

Jadual 4.46	Lima Masalah Utama Kategori Kegiatan Muda-mudi, Perkahwinan dan Seks Mengikut Sekolah Menengah	69
Jadual 4.47	Lima Masalah Utama Kategori Rumah Tangga dan Keluarga Mengikut Sekolah Menengah	70
Jadual 4.48	Lima Masalah Utama Kategori Moral dan Agama Mengikut Sekolah Menengah	71
Jadual 4.49	Lima Masalah Utama Kategori Penyesuaian Terhadap Kerja-karya Tugas Akademik Mengikut Sekolah Menengah	72
Jadual 4.50	Lima Masalah Utama Kategori Pelajaran dan Kerjaya Masa Depan Mengikut Sekolah Menengah	72
Jadual 4.51	Lima Masalah Utama Kategori Kurikulum dan Kaedah Pengajaran Mengikut Sekolah Menengah	73
Jadual 4.52	Kesimpulan Taburan Lima Kategori Masalah Utama Peratusan Mengikut Sekolah Menengah	74
Jadual 4.53	Lima Masalah Utama Kategori Kesihatan dan Pertumbuhan Jasmani Mengikut Kelayakan	75
Jadual 4.54	Lima Masalah Utama Kategori Kewangan, Keadaan Kehidupan dan Pekerjaan Mengikut Kelayakan	76
Jadual 4.55	Lima Masalah Utama Kategori Kegiatan Sosial dan Rekreasi Mengikut Kelayakan	77
Jadual 4.56	Lima Masalah Utama Kategori Perhubungan Sosial Psikologi Mengikut Kelayakan	78
Jadual 4.57	Lima Masalah Utama Kategori Perhubungan Peribadi dan Psikologi (emosi) Mengikut Kelayakan	79
Jadual 4.58	Lima Masalah Utama Kategori Kegiatan Muda-mudi, Perkahwinan dan Seks Mengikut Kelayakan	80
Jadual 4.59	Lima Masalah Utama Kategori Rumah Tangga dan Keluarga Mengikut Kelayakan	81
Jadual 4.60	Lima Masalah Utama Kategori Moral dan Agama Mengikut Kelayakan	82
Jadual 4.61	Lima Masalah Utama Kategori Penyesuaian Terhadap Kerja-karya Tugas Akademik Mengikut Kelayakan	83
Jadual 4.62	Lima Masalah Utama Kategori Pelajaran dan Kerjaya	

	Masa Depan Mengikut Kelayakan	84
Jadual 4.63	Lima Masalah Utama Kategori Kurikulum dan Kaedah Pengajaran Mengikut Kelayakan	85
Jadual 4.64	Kesimpulan Tabuarn Lima Kategori Masalah Utama Peratusan Mengikut Kelayakan	86

**SENARAI SINGKATAN**

MPCL	Mooney Problem Check List
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
SPSS	Statistical Package for the Sosial Sciences

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A	Populasi dan Sampel Kajian	96
Lampiran B	Jadual Penentuan Saiz Sampel	103
Lampiran C	Borang Soal Selidik	105

## **BAB 1**

### **Pengenalan**

#### **1.1 Pendahuluan**

Setelah menamatkan zaman persekolahan, tiba masanya untuk melangkah kepada satu tahap pekerjaan. Berbagai cabaran terpaksa ditempuhi terutama apabila berlaku perubahan baru kepada diri pekerja selepas melangkah masuk ke alam kerja. Adakalanya berlaku kejutan budaya kepada pekerja dan jika tersalah langkah akan memberi kesan negatif kepada mereka. Cabaran dan perubahan ini menyebabkan mereka secara paksa perlu menyesuaikan diri dengan perubahan ini.

Masalah-masalah yang mengganggu pekerja-pekerja ini dapat dikategorikan kepada 11 permasalahan yang dinyatakan dalam alat ukur Mooney Problem Check List (MPCL) yang direka oleh Mooney pada tahun 1942 dan diuji kembali pada tahun 1950. Kategori-kategori masalah ini terdiri daripada kesihatan, kewangan, rekreasi, sosial, peribadi, seks, keluarga, akhlak, pengajian, keluarga, dan pengajaran.

#### **1.1 Latar belakang masalah**

Dalam tempoh sedekad ini, pelbagai perubahan dilakukan dalam sistem kerja sektor perindustrian. Perubahan-perubahan yang dibuat ini sedikit sebanyak mengganggu proses pekerjaan pekerja dan memberi kejutan terutama kepada pekerja-pekerja yang melangkah kaki ke sektor perkilangan. Mereka perlu menyesuaikan diri terhadap proses pembelajaran, persekitaran dan



pengajaran yang berbeza di antara alam persekolahan atau rumah dengan suasana yang baru di kilang.

Kegagalan pekerja-pekerja dalam proses penyesuaian ini menyebabkan pelbagai masalah timbul. Kurangnya pendedahan dan persediaan adakalanya menyebabkan pekerja yang cemerlang semasa di sekolah atau pun di bidang lain menemui kegagalan apabila berada di kilang. Pencapaian pekerja dalam sesuatu pekerjaan bergantung kepada bagaimana individu itu bekerja. Penyesuaian terhadap gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pekerja boleh diketahui melalui diagnosis terhadap gaya pembelajaran individu itu. Oleh itu, pembelajaran yang tidak bersesuaian dengan gaya pembelajaran pekerja akan menyebabkan pekerja itu terjerumus kepada masalah pembelajaran.

Pembelajaran adalah proses dan aktiviti yang bertujuan untuk menghasilkan perubahan yang dikehendaki didalam diri seseorang (Atan Long, 1978). Ia juga adalah salah satu proses menukarkan pola tingkahlaku manusia. Tingkahlaku ini bermaksud tingkahlaku dalam pengertian yang luas termasuk pemikiran, perasaan dan perbuatan nyata. Apabila pembelajaran dilihat dari segi ini maka jelaslah objektif pembelajaran bermakna perubahan tingkahlaku yang dicari atau dikehendaki berlaku oleh sesebuah institusi ke atas ahlinya (Ralph W. Tyler, 1989).

Menurut Ee Ah Meng (1995), pembelajaran merupakan satu proses menolong dan memajukan pertumbuhan dan perkembangan seseorang individu dari semua aspek iaitu jasmani akal, emosi, sosial, seni dan moral. Dengan kata lain, ia bertujuan untuk mempertingkatkan diri individu supaya hidup dengan sempurna serta memperkembangkan bakat-bakatnya untuk kepentingan diri dan juga untuk menjadi seseorang ahli masyarakat yang berguna.

Dari pandangan psikologi pula , pembelajaran bererti perubahan dan boleh dianggap sama ada sebagai proses atau sebagai hasil. Pendidikan sebagai satu proses meliputi semua bentuk kegiatan yang menempatkan seseorang itu untuk hidup bermasyarakat dan yang menolong menyalurkan adat resam,

undang-undang, kepercayaan agama, bahasa dan institusi sosial dari satu generasi ke satu generasi yang lain (Crow dan Crow, 1983).

Dalam pembelajaran, perlakuan yang berlaku adalah campuran interaksi dari dua ilmu. Perlakuan seseorang pekerja mungkin disebabkan oleh gerak berkumpul atau pergerakan berkumpul mungkin disebabkan oleh pengaruh seseorang atau pengaruh beramai-ramai (Mohd Najib, 1999). Oleh itu, walaupun para pekerja ini telah menerima pendidikan secara formal, pengaruh ke arah permasalahan kepada dunia persekitarannya akan sentiasa mengganggu pekerja dalam proses perkembangan fizikal dan mentalnya.

Kesimpulannya, kecemerlangan dan kejayaan dalam bidang pekerjaan merupakan satu agenda yang patut diutamakan oleh oleh setiap pekerja. Pengurangan kategori permasalahan dalam menuntut ilmu akan meningkatkan lagi prestasi kesihatan, kewangan, hiburan, sosial, peribadi, seks, keluarga, akhlak, pengajian, keluarga dan pekerjaan serta mengurangkan gejala sosial kehidupan seseorang pekerja pada masa hadapan.

## **1.2    Penyataan masalah**

Secara umumnya, setiap pekerja menghadapi masalah. Secara khususnya, data mengenai tahap masalah yang dihadapi oleh pekerja di Jabatan Pemasangan di kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad, Pontian, Johor secara klasifikasi mengikut Mooney Problem Check List masih belum diketahui dengan terperinci.

## **1.3    Objektif kajian**

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk mengenalpasti kategori masalah di kalangan pekerja-pekerja di Jabatan Pemasangan di kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad. Kajian ini bertujuan untuk:

**1.3.1** Mengenalpasti kategori-kategori masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja pemasangan di kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad, Pontian, Johor.

**1.3.2** Mengenalpasti perbezaan kategori masalah dari segi demografi (jantina, jabatan kerja, sekolah dan kelayakan akademik).

#### **1.4 Persoalan kajian**

Kajian ini bermatlamat untuk meneliti:

**1.4.1** Apakah kategori masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja pemasangan di kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad?

**1.4.2.** Adakah terdapat perbezaan kategori masalah dari segi faktor demografi terpilih (jantina, jabatan kerja, sekolah dan kelayakan akademik)?

#### **1.5 Kepentingan masalah**

Kajian ini penting bagi memperolehi maklumat tentang masalah yang sering dihadapi oleh pekerja-pekerja pemasangan di kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad. Ini juga penting untuk meneliti dari segi masalah dengan demografi.

Selain itu, kajian ini diharap dapat menjelaskan kepada kita sama ada wujud perbezaan setiap kategori masalah pekerja-pekerja pemasangan di kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad. Dengan adanya kajian ini, ia boleh dijadikan satu garisan panduan kepada pihak kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad bagi mengenalpasti punca-punca masalah yang dihadapi setiap pekerja dan membantu mengurangkan kategori masalah yang mengganggu pekerja..

Maklumat daripada kajian ini juga diharap dapat membantu meningkatkan lagi prestasi pekerjaan serta mengurangkan gejala sosial di kalangan pekerja. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi maklumbalas kepada pihak kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad dalam mengambil langkah seterusnya bagi menyelesaikan masalah pekerja-pekerja pemasangan di kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad dan seterusnya mempertingkatkan lagi kemudahan dan keselesaan suasana pekerjaan di kilang. Bagi ibu bapa pekerja, hasil kajian ini akan dapat memberi gambaran kepada mereka tentang kepentingan peranan mereka dalam memberi sokongan dengan mengambil langkah-langkah awal terhadap anak-anak mereka sebagai persediaan menghadapi suasana pekerjaan yang lebih mencabar.

Kesimpulannya, hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak kilang dan ibu bapa pekerja sebagai rujukan untuk dijadikan panduan dalam merangka dasar ataupun program-program tertentu yang melibatkan kemasukan pekerja ke kilang. Seterusnya, diharapkan kajian ini dapat meningkatkan lagi prestasi pekerja serta mengurangkan gejala sosial di kalangan pekerja.

## **1.6 Batasan kajian**

Kajian ini terbatas kepada pekerja-pekerja pemasangan di kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad.

## **1.7 Definisi istilah**

Beberapa istilah diperjelaskan dibawah bagi menjelaskan dengan lebih tepat kehendak dan kaitannya dengan perkara-perkara yang dibincangkan penyelidik dalam kajian ini.

### **1.7.1 Pekerja**

Pekerja merupakan orang sedang bekerja (Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1986). Pekerja dalam kajian ini didefinisikan pekerja-pekerja pemasangan di kilang Shimano Components (M) Sendirian Berhad, Pekan Nenas, Pontian, Johor.

### **1.7.2 Kategori masalah**

Dalam kajian ini kategori masalah merujuk kepada instrumen MPCL mengandungi sebelas kategori masalah yang telah dicipta oleh Mooney bagi mengesan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja. Kajian ini hanya merujuk kepada masalah-masalah yang berpunca daripada kehidupan seharian pekerja-pekerja.

### **1.7.3 Demografi**

Demografi kajian merujuk profil jantina, jabatan kerja, sekolah dan kelayakan akademik dengan masalah yang dihadapi pekerja-pekerja pemasangan di kilang.

## **1.8 Penutup**

Dalam bab ini pengkaji menerangkan pendahuluan kajian yang mengandungi pelbagai aspek termasuklah latar belakang masalah, objektif kajian, persoalan kajian, pembentukan hipotesis, kepentingan kajian, batasan kajian, tempat kajian dan definisi konsep. Di dalam bab ini ianya lebih menerangkan tentang kajian yang akan dilakukan bagi memenuhi kehendak penyelidik.

Masalah yang dihadapi di kalangan pekerja-pekerja pemasangan perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Punca masalah ini perlu dikenal pasti seawal yang mungkin agar ianya tidak berlarutan sehingga ke tahun-tahun pekerjaan yang seterusnya.